

06/03/2001

Kerajaan serah kepada polis: Pak Lah

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Isnin -Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan menyerahkan kepada budi bicara polis untuk menyiasat dan mengambil tindakan jika perlu berhubung rancangan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) menganjurkan demonstrasi jalanan besar-besaran bagi tujuan menggulingkan kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Polis Diraja Malaysia (PDRM) berwibawa untuk mengendalikan siasatan berhubung kenyataan Ketua Pemuda Keadilan, Ezam Mohd Nor yang mengaku merancang mengadakan demonstrasi jalanan setiap hari.

"Perkara ini adalah di bawah tindakan polis. Dengan kenyataan yang dibuat oleh Ezam, saya percaya polis tahu apakah tindakan yang boleh diambil.

"Saya tidak akan campur tangan dalam hal ini kerana polis tahu untuk membuat kerja sendiri," katanya kepada wartawan selepas melancarkan buku A Policeman's Story karya bekas Ketua Polis Negeri Perak, Datuk Mohd Pilus Yusoh di Kelab Diraja Taman Perdana di sini, petang ini.

Beliau diminta mengulas mengenai laporan berita tempatan semalam yang memetik Ezam, mengaku parti pembangkang itu merancang mengadakan demonstrasi jalanan besar-besaran bertujuan menggulingkan kerajaan.

Ezam juga dipetik sebagai berkata, parti berkenaan akan menganjurkan demonstrasi setiap hari dan bukan setiap hujung minggu.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Keadilan tidak pernah mempedulikan soal keselamatan, ekonomi dan sosial negara, sebaliknya hanya memperjuangkan pembebasan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr Mahathir berkata, Keadilan sanggup melakukan demonstrasi ganas yang boleh menjejaskan perniagaan dan keganasan semata-mata untuk menumbangkan kerajaan yang dipilih rakyat.

Dalam perkembangan itu, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata kenyataan yang dibuat Ezam dilihat sebagai mengancam dan boleh menimbulkan huru-hara dan bertujuan menjatuhkan kerajaan yang dipilih oleh rakyat mengikut prinsip demokrasi.

"Ia satu kenyataan yang berupa mengancam untuk timbulkan huru-hara dengan niat dan tujuan menjatuhkan kerajaan yang dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya yang telah berjalan dengan baik, mengikut demokrasi dan adil," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan akan mengenakan tindakan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) terhadap Ezam berikutan kenyataannya itu, beliau berkata: "Kita tidak akan pertimbangkan penggunaan ISA buat masa ini,".

Terdahulu dalam ucapan perasmian buku A Policeman's Story, Abdullah berkata, lebih ramai bekas pegawai tinggi kerajaan, pegawai tinggi polis dan pegawai tinggi tentera sepatutnya merakamkan pengalaman mereka melalui penulisan buku.

Katanya, perkongsian pengalaman bekas pegawai tinggi kerajaan melalui penulisan buku akan memberi faedah kepada generasi muda dalam menghayati pengorbanan jasa golongan veteran dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Sambil melahirkan rasa kagum beliau dengan semangat serta kesungguhan Mohd Pilus yang berjaya mengumpulkan data dan menulis pengalamannya melalui buku A Policeman's Story, Abdullah harap generasi muda dapat menilai

peranan dan pengorbanan besar PDRM dalam sejarah sebelum dan selepas kemerdekaan negara.

Hasil jualan buku itu akan disalurkan ke Tabung Kebajikan Anggota Polis. Turut hadir bekas Ketua Polis Negara, Tun Haniff Omar.

(END)